

06 NOV 1996

MAJLIS RAJA-RAJA SATU FORUM UNTUK BERINTERAKSI, TITAH AGONG

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menyeru semua anggota mesyuarat Majlis Raja-Raja supaya bersama menjayakan majlis itu di masa hadapan demi perpaduan dan kesesuaian peredaran zaman.

Seri Paduka bertitah mesyuarat itu dapat digunakan untuk berinteraksi dengan Perdana Menteri dan semua Menteri Besar serta Ketua Menteri.

"Beta rasa tidak ada forum yang lebih unggul daripada mesyuarat Majlis Raja-Raja ini," titah Seri Paduka pada majlis santapan malam sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-174 di Istana Negara malam ini.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Titah Tuanku Ja'afar, mesyuarat yang diadakan tiga kali setahun itu mencerminkan keutuhan dan perpaduan antara Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri.

Seri Paduka bertitah majlis malam ini juga ialah untuk memperingati 100 tahun penubuhan mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 1 Julai, 1896.

Tuanku Ja'afar berdoa supaya Malaysia terus kekal dalam keadaan aman dan makmur di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

--BERNAMA

ES RON